

**Jangan Politikkan Isu Pembinaan Stesen LRT Bandar Kinrara - Syed Hamid Bernama**  
**19 April , 2012**

PETALING JAYA, 19 April (Bernama) -- Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) Tan Sri Syed Hamid Albar mengingatkan golongan yang tidak bertanggungjawab supaya tidak mempolitikkan isu pembinaan stesen Transit Aliran Ringan (LRT) di Bandar Kinrara, Puchong.

Beliau berkata Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) yang mengendalikan projek itu sentiasa mengadakan perbincangan dengan penduduk setempat bagi mendapatkan keputusan yang terbaik.

Pembinaan stesen LRT di Bandar Kinrara merupakan satu daripada pelaksanaan Projek Penyambungan Landasan (LEP) LRT berharga RM7 bilion yang dirasmikan Mac lepas.

"Pembinaan ini dibuat bukan untuk menyusahkan (penduduk di sana) dan saya difahamkan pihak Prasarana sentiasa mengambil kira pendapat dan keluhan mereka sebab itu sekarang ini projek itu dihentikan seketika.

"Sebagai satu daripada inisiatif utama dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), rakyat perlu melihat LEP sebagai memberi manfaat kerana ia merentasi kawasan yang padat dengan penduduk dan sedang membangun," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak projek LEP dekat sini, Khamis.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660404>